



# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD


(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN TENDER

Kerajaan Malaysia telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) (902884-V) sebagai pemaju projek dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

MRT Corp. ingin mempelawa bakal Penender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT TENDER	TAKLIMAT TENDER & LAWATAN TAPAK (MANDATORI)
<p><b>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</b></p> <p><b>TENDER FOR INFRASTRUCTURE WORKS CONSISTING OF ROAD, DRAINAGE, AND LANDSCAPE FOR AT GRADE PARK RIDE ("AGPR") 11 SUNGAI JERNIH</b></p> <p><b>TENDER NO.: TEN/PD/Q06-2024</b></p>	<p>Memiliki sijil pendaftaran yang sah daripada badan kerajaan berikut:</p> <p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <p>Gred : G2 atau G3</p> <p>Pengkhususan :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>CIDB CE01 (Pembinaan Jalan dan Pavemen)</li><li>CIDB CE42 (Kerja-Kerja Mengecat Jalan)</li><li>CIDB CE14 (Landskap Diluar Bangunan) (Penender boleh melantik sub-kontraktor sekiranya Penender tidak memiliki kod pengkhususan kerja landskap tersebut)</li></ul> <p>DAN</p> <p>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p>	<p>Tarikh : <b>Khamis, 23 Mei 2024</b></p> <p>Masa : <b>10:00 pagi</b></p> <p>Lokasi Taklimat : <b>Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Menara I&amp;P 1, No.46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</b></p> <p>Bagi menyertai taklimat tender ini, Penender yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Laman Web MRT Corp. <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a>;</li><li><a href="https://forms.gle/UEpDAUJkrEiWBqNM6">https://forms.gle/UEpDAUJkrEiWBqNM6</a>;</li><li>Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li></ol>  <p>Pendaftaran akan bermula dari <b>Isnin, 13 Mei 2024</b> sehingga <b>Isnin, 20 Mei 2024</b>. Hanya Penender yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan akan dibenarkan menghadiri ke sesi taklimat.</p> <p>Wakil daripada setiap Penender yang hadir semasa taklimat tender adalah tidak melebihi dua (2) orang.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak penender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pengarah Urusan; atau</li><li>Pengurus Projek; atau</li><li>Pengurus Kontrak dan Komersial.</li></ol>

Dokumen tender akan diberikan kepada Penender yang layak tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

Penender wajib menyerahkan dokumen yang sudah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen tender.

Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada **Rabu, 12 Jun 2024 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender di bahagian atas tengah sampul surat. Sebarang kelewatan dalam menyerahkan dokumen akan dibatalkan penyertaan.

Selain daripada syarat-syarat di atas, Penender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)	
1.	Penender atau sub-kontraktor hendaklah telah menyiapkan projek berkaitan kerja Jalan, Saliran, & Landskap dengan pihak berkuasa tempatan di dalam daerah Kajang dalam tempoh lima belas (15) tahun yang lalu dengan nilai setiap projek tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Seratus Ribu ( <b>RM100,000.00</b> ).
KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI)	
1.	Baki Bank secara purata selama 3 bulan hendaklah positif.

### Nota:

- Kontraktor Berpengalaman yang mempunyai pendaftaran sah dengan badan yang berkaitan sewaktu tender berlangsung, seperti yang dinyatakan di dalam syarat-syarat tender di dalam jadual di atas adalah dipelawa untuk mengambil bahagian di dalam tender ini.
- Penender tidak dibenarkan menubuhkan Usahasama/Konsortium.
- Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender dan lawatan tapak pada tarikh, masa dan tempat seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Sijil-sijil pendaftaran hendaklah **SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat** seperti yang dinyatakan di dalam dokumen tender. Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana tawaran daripada mana-mana Penender tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Penender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Maklumat lanjut mengenai MRT Corp., boleh dilayari di laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).



# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN TENDER

DISEDIAKAN OLEH	DISAHKAN OLEH	
<p>..... <b>Sr HASNUL ALFIAN HARUN</b> (Head, Procurement)</p> <p>Date:</p>	<p>..... <b>IR MAJOR RTD MOHAMED SHUHAIIDI OMAR</b> (Head, Asset Operations &amp; Management)</p> <p>Date:</p>	<p>..... <b>Sr ESVARARAO SATEE YAM</b> (Chief of Contract &amp; Procurement)</p> <p>Date:</p>

DILULUSKAN OLEH
<p>..... <b>DATUK MOHD ZARIF HASHIM</b> (Chief Executive Officer)</p> <p>Date:</p>